

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG TACK [BENTONG]

SOALAN NO. 257

minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan komposisi sebenar dalam ppm (*parts per million*) kandungan, mengikut jenis radionuklid, logam berat, arsenik dan bahan kimia dalam Water Leached Purification yang dihasilkan oleh kilang Lynas dan lanthanide concentrate yang diimport dari Mount Weld.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kandungan kepekatan keaktifan pekatan lanthanid dan residu *Water Leached Purification* (WLP) yang dihasilkan oleh Syarikat Lynas adalah berbeza bergantung kepada *batch* yang dibawa masuk.

Nilai yang dibenarkan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) untuk pekatan lanthanide dan WLP adalah seperti di Jadual 1 dan Jadual 2 seperti berikut:

Jadual 1: Komposisi elemen uranium dan torium di dalam pekatan lanthanide

Radionuklid	Pekatan lanthanide
	Unit: ppm
Uranium (U ₃ O ₈)	100
Torium (ThO)	2000

Jadual 2: Komposisi elemen uranium dan torium di dalam WLP

Radionuklid	Residu WLP
	Unit: ppm
Uranium (U ₃ O ₈)	<20.25
Torium (ThO)	1528

Manakala bagi WLP, maklumat komposisi kimia adalah seperti berikut:

Jadual 3: Komposisi kimia WLP*

Jenis sebatian	Peratus sebatian (%)
Fe ₂ O ₃	34.3
Al ₂ O ₃	3.7
CaO	1.9
MgO	1.2
P ₂ O ₅	19.9
SiO ₂	2.4
Rare Earth Oxide (REO)	5.4
ThO ₂	0.2

Sekian, terima kasih.